

# MCMC diminta sedia laporan

## Kementerian Komunikasi dan Digital akan cari jalan penyelesaian

Oleh Suraya Ali dan Adibah Hani Hasnan  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyediakan laporan lengkap berkaitan isu capaian lemah internet di kampus universiti tempatan.

Menterinya, Fahmi Fadzil, berkata laporan itu diperlukan sebagai asas beliau memahami isu berkenaan yang didakwa dihadapi penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

"Saya sudah pun minta MCMC menyediakan laporan penuh isu ini untuk saya fahami kekangan



Keratan akhbar BH, semalam.

dan cari penyelesaian," katanya di dalam ciapan Twitter bagi menjawab isu berkenaan, semalam.

Sementara itu, pelajar Universiti Malaya (UM), Amir Sirajudin, berkata masalah gangguan capaian internet berlaku di kampus universiti itu sehingga mengganggu proses pembelajaran pelajar.

"Walaupun mungkin tidak dianggap kritikal oleh sesetengah pihak, gangguan seminggu sekali atau dua kali seminggu itu menjejaskan proses pembelajaran dan usaha kami menyiapkan tugas kuliah," katanya ketika dihubungi.

Amir berkata, beliau dan pelajar lain di kampus meminta kerajaan memandang serius per-

kara ini dan menambah baik kualiti capaian internet di kampus.

"Mungkin kerajaan dan universiti boleh pertimbangkan untuk memperbanyakkan kawasan liputan WiFi sebab ada kawasan di sini tidak ada akses langsung seperti di beberapa kafe di fakulti.

"Gangguan yang berlaku tidak kerap, namun kesannya menyebabkan ada pelajar terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih untuk mendapatkan capaian internet di tempat lain atau membayar untuk perkhidmatan tambahan.

"Jika boleh wujudkan pakej khas internet untuk mahasiswa yang mungkin boleh mengurangkan masalah ini, namun perkhidmatan pakej itu perlu berkualiti dan mampu dimiliki pelajar," katanya.

### Guna data internet sendiri

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pembinaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar, Perak, Sazman Iskandar Abdullah, 23, pula berkata, kelemahan akses internet di kam-

pusnya menyukarkan pelajar ketika sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP), menyebabkan mereka terpaksa menggunakan data internet sendiri.

"Masalah ini sudah lama berlaku dan tiada tindakan dilakukan pihak atasan untuk menaik taraf kualiti rangkaian WiFi di sini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pelajar jurusan Sains Akua-kultur di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, Izzah 'Atirah Mohd Hir Tarmidi, berkata akses capaian internet kurang memuaskan ketika di kolej kediaman pelajar.

"Di UPM, ketika berada di kolej kediaman, capaian internet atau WiFi memang agak perlahan, tetapi pelajar tidak menghadapi masalah di setiap bilik kuliah kerana talian sangat memuaskan dan tiada gangguan untuk kegunaan sesi PdP," katanya yang juga wakil Majlis Perwakilan Kolej di UPM.

Selain itu, pelajar jurusan Komputer Sains (Sains Data) di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Batrisyia Issyam, 23, pula berkata, pelajar di universiti itu

Di UPM, ketika berada di kolej kediaman, capaian internet atau WiFi agak perlahan, tetapi pelajar tak hadapi masalah di setiap bilik kuliah kerana talian sangat memuaskan dan tiada gangguan

Izzah 'Atirah Mohd Hir Tarmidi, Pelajar jurusan Sains Akuakultur UPM



mudah mendapat akses rangkaian WiFi di fakulti dan perpustakaan kerana tahap kualiti internet yang semakin baik selepas Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menerima aduan daripada pelajar.